

# Lebih 5,000 pengunjung bakal meriahkan *Tamu Gadang UMS Labuan*

UB 10.11.2016 B4

KIRA-kira 5,000 hingga 10,000 pengunjung bakal mengunjungi program tahunan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Tamu Gadang 2016 yang akan diadakan pada 18-20 November ini.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata sasaran itu mampu dicapai berdasarkan sambutan penyertaan pasukan dan peserta dari dalam dan luar negara.

Katanya menerusi penyertaan peserta tem-

patan dan antarabangsa itu, pihaknya yakin penonton dan peminat acara itu akan memenuhi setiap lokasi gelanggang yang disediakan pihak penganjur.

“Sebagai contoh, terdapat 22 pasukan akan menyertai acara bola tampar termasuk dari Indonesia dan Sabah. Manakala kumpulan tarian dari Semenanjung, Indonesia dan Filipina akan menyertai Festival Tari dan Muzik Rakyat Antarabangsa,” katanya.

Murnizam berkata

selain warga Labuan, pihaknya turut menyasarkan pengunjung dari kawasan berhampiran termasuk dari Limbang dan Lawas, Menumbok, Sipitang, Kuala Penyu, Beaufort dan Papar serta Brunei Darussalam.

Pihaknya dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) akan menganjurkan Forum Perdana ‘Dua Jiwa Satu Cinta’ pada 18 November bermula jam 7.30 malam.

Katanya forum itu akan



MURNIZAM

menampilkan Mudir Imam Muda Dato’ Hassan Mahmud Al-Hafiz, Pengurus PPZ Labuan Ustaz Ahmad Sharizal Mohd Saffian dan Pengarah Pusat Islam UMS Ustaz Dr Muhd Suhaimi Taat sebagai ahli panel manakala Ketua Imam Masjid Jamek An-Nur Ustaz Mohd Najeeb Abd Rahim sebagai moderator.

Sementara itu, tiga artis terkenal tanahair iaitu Azlan & The Typewriter, Joey BPR dan Khai Bahar akan menghiburkan peminat pada 19 dan 20

November.

Manakala pemenang program TV3 Mentor Millenia iaitu Fareez Fauzi, Qody dan Syazwanie akan menemui peminat pada 20 November.

Sebanyak 17 acara diadakan untuk memeriahkan Tamu Gadang 2016 termasuk 12 acara yang menyediakan hadiah lumayan.

Murnizam berkata 12 acara itu ialah Kid’s Got Talent, Festival Tari dan Muzik Rakyat Antarabangsa, Memancing Pesisir Pantai, Volleyball

Men’s Open, UMSKAL Cooking Battle dan Graduate Run.

“Selain itu, Battle of The Gyms, UMSKAL Cyber Games Challenge, Kal-Cutey Catz Competition, Tarik Tali Se-Borneo, Restaurant Cooking Battle dan Futsal Men’s Open,” katanya.

Beliau berkata pihaknya turut mengadakan Simposium Perubatan Tradisional yang akan disertai tujuh pengamal perubatan, Forum Perdana, Pameran Big Bike dan Gerai Tamu Gadang.